

09/09/2003

Pas bagai syaitan bising perbodoh umat Islam

Norjimi

SEJAK beberapa hari kebelakangan ini, kita sekali lagi dihidangkan sandiwara Pas dengan ungkapan syaitan bisu oleh Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Pada mulanya beliau menuduh polis sebagai syaitan bisu. Selepas mendapat tentangan hebat daripada pelbagai lapisan masyarakat, beliau menuding jari kepada ulama yang menyokong Umno dengan panggilan yang tidak senonoh dan bahasa mafia itu.

Saya hairan dengan perkara ini dan ingin meminta Hadi memberi tafsiran tepat siapa yang layak digelar sebagai syaitan.

Yang jelas, daripada mulut Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang pernah memberitahu Pas sanggup bekerjasama dengan syaitan untuk mengalahkan Barisan Nasional pada pilihan raya yang lepas.

Syaitan yang dimaksudkan ketika itu, pada hemat saya ialah perikatan pembangkang yang bukan beragama Islam seperti DAP dan PKRM.

Bagaimana pandangan Nik Aziz mengenai ungkapan terbaru iaitu syaitan bisu pula? Saya percaya, bukan setakat beliau bahkan mereka yang bergelar tok guru, imam, ustaz atau tok lebai yang menyokong Pas tidak mungkin menyifatkan kenyataan pemimpin mereka sebagai sesat, bodoh, haprak dan tak betul.

Yang peliknya, di manakah logiknya Pas menafsir ulama dengan kategori tertentu.

Setahu saya ulama ialah golongan bijak pandai dan cendekiawan Islam dan kita tidak pernah mengkategorikan ulama Iraq, Iran, Palestin, Kuwait apatah lagi ada ulama Pas dan Umno.

Ulama tetap ulama tidak kira asal usul mereka begitu juga bangsa apa, negara dan perbezaan ideologi politik. Ayat al-Quran atau hadis mana yang diguna pakai oleh Hadi dalam menafsir ulama Umno dan Pas?

Saya kira ada tiga sebab Hadi menyifatkan polis dan ulama yang tidak memberi sokongan kepada Pas sebagai syaitan bisu.

\* Pas tidak ada isu untuk diperkatakan selain ISA dan kisah lapuk bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Sebelum ini mereka mengutuk, mencaci dan menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi selepas kejayaan yang dilakukan beliau, Pas mencari isu lain yang boleh dijadikan modal politik.

\* Ulama atau ustaz yang tidak menyokong Pas dianggap ulama Umno kerana mereka berdakwah dengan cara bijaksana dan berjaya mendidik orang Islam supaya bersatu dan kembali pada ajaran Islam yang sebenarnya.

\* Ia juga bagi menutup kelemahan dan kegagalan melaksanakan hukum hudud Pas di Terengganu dan Kelantan.

Selama ini mereka melaungkan kepada semua orang Umno dan Perdana Menteri adalah orang yang bertanggungjawab menghalang hasrat Pas melaksanakan hudud, tetapi apabila diberi peluang mereka gagal mengurus sistem pentadbiran mengikut hudud mereka.

Hudud Pas bukan saja diragui dan boleh dipinda sesuka hati, bahkan ia tidak diwartakan lagi sedangkan Pas sudah lama memerintah Kelantan.

Satu perkara yang dikesali, Pas tidak memberi secara terperinci sumber hukum hudud itu dan hakikat ia secara terang menghalalkan liwat bagi pasangan yang sudah mendirikan rumah tangga.

Secara logiknya, syaitan bisu lebih baik daripada syaitan bising. Syaitan bisu tidak kisah untuk melakukan perkara yang tidak baik (kemungkaran) berbanding syaitan bising seperti beberapa pemimpin Pas yang menghina kepemimpinan Umno, Perdana Menteri dan mengkafirkan orang Melayu yang tidak sebulu dengan ideologi politik mereka.

Syaitan bisu tidak akan menafikan Malaysia menepati ciri negara Islam yang moden berbanding syaitan bising.

Kalau ada tafsiran oleh pemimpin Pas mengenai syaitan bisu, saya berharap mereka bukan dari kategori syaitan bising yang menyesatkan manusia seperti kumpulan al-Maunah, al-Arqam, al-Manshur dan sebagainya.

Sebagai warga Malaysia yang sudah 46 tahun merdeka, saya berharap kita mampu berfikir dengan waras apa yang diperkatakan oleh pemimpin Pas yang harus kita kategorikan sebagai tidak relevan lagi dalam membentuk pemikiran umat Islam yang bertakwa.

Tuduhan orang tertentu sebagai syaitan bisu menunjukkan perangai, kelakuan, sikap dan sifat serta pemikiran negatif pemimpin Pas sendiri.

Jelas juga menunjukkan sifat dendam dan jiwa yang kotor masih menebal dalam diri.

Bagi pembaca, jika masih menganggap Pas sebagai 'parti politik yang memperjuangkan kesucian Islam' sebenarnya saudara mencampakkan diri ke lembah kebinasaan dan dunia kebodohan yang terang-terangan.

NORJIMI,  
Salor Kota Bharu, Kelantan.